

16 JAN 2002
Sun-Piket
KAKITANGAN THE SUN PIKET LAGI

PETALING JAYA, 16 Jan (Bernama) -- Kira-kira 50 kakitangan akhbar The Sun berkumpul di tepi Jalan Templer di sini, hari ini bagi meneruskan piket yang telah dimulakan pada 31 Dis.

Piket sejam itu, yang bermula pada 5 petang, bertujuan menuntut pembayaran bonus seperti yang dipersetujui dalam perjanjian bersama pihak pengurusan syarikat dan keadilan terhadap pekerja yang diberhentikan serta merta pada 11 Jan lepas.

Presiden Kesatuan Wartawan Kebangsaan (NUJ) cawangan The Sun, K.Kannan, berkata piket itu akan berterusan sehingga mencapai satu jalan penyelesaian bagi kedua-dua pihak.

"Kita ingin menuntut jalan penyelesaian bagi masalah ini dan mengharapkan pihak pengurusan tampil serta mengadakan perbincangan dengan NUJ," katanya kepada pemberita semasa piket diadakan.

Ramai pemandu yang melalui jalan itu turut membunyikan hon kenderaan masing-masing sebagai tanda sokongan kepada mereka. Keadaan ini menyebabkan lalu-lintas sesak dan bising buat seketika.

Pada 31 Dis, 50 pekerja The Sun berpiket menuntut bonus di samping membantah tindakan pengurusan menggantung perkhidmatan seorang wartawan dan seorang jurugambar ekoran laporan muka depan akhbar itu pada 25 Dis mengenai kononnya ada komplot untuk membunuh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Pada 11 Jan, The Sun Corp Sdn Bhd mengeluarkan surat pemberhentian kerja pada 30 kakitangannya yang kebanyakan wartawan dengan alasan menghadapi masalah kewangan dan kerugian sejak beberapa tahun ini.

-- BERNAMA
KK AHH NAK